



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 18 April 2019

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2019**

**CUTI TANPA REKOD SEMPERA PERAYAAN GOOD FRIDAY BAGI PEGAWAI
YANG MENGANUT AGAMA KRISTIAN**

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan *Good Friday* mulai tahun 2019 kecuali bagi pegawai di negeri-negeri yang perayaan *Good Friday* adalah merupakan hari kelepasan am.

3. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bilangan 9 Tahun 2019 mengambil maklum Surat Edaran JPA.SARAAN(S)43/35 Jld.9(13) Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan *Good Friday* Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Kristian dan kemudahan Cuti Tanpa Rekod dilaksanakan kepada pegawai LGM. Dilampirkan bersama adalah Surat Edaran JPA untuk rujukan.

4. Cuti Perayaan *Good Friday* adalah hari Kelepasan Am bagi negeri Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai LGM yang beragama Kristian di negeri-negeri berkenaan tidak layak mendapat Cuti Tanpa Rekod. Manakala bagi pegawai di Semenanjung Malaysia yang menggunakan kemudahan ini hendaklah mengemukakan permohonan Cuti Tanpa Rekod kepada UPSM.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(EMILIA BINTI KASSIM)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN(S) 43/35 Jld.9 (13)

17 April 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT
AGAMA KRISTIAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju supaya pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian diberikan kemudahan cuti tanpa rekod selama satu (1) hari sempena perayaan Good Friday mulai tahun 2019 kecuali bagi pegawai perkhidmatan awam di negeri-negeri yang perayaan Good Friday adalah merupakan hari kelepasan am.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)